

MAJLIS HARI RAYA YB MENTERI PERTAHANAN BERSAMA WARGA KEMENTERIAN PERTAHANAN SEMPENA AIDILFITRI 2016

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/888-majlis-hari-roya-yb-menteri-pertahanan-bersama-warga-kementerian-pertahanan-sempena-aidilfitri-2016

MINDEF, 20 Jul 16 – Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein beserta isteri, telah meluangkan masa untuk bersama-sama dengan warga Kementerian Pertahanan di Majlis Aidilfitri Tahun 2016 yang diadakan di Kem Kementerian Pertahanan (Kem KEMENTAH, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur.

Turut serta di Majlis ini ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Baharum, Panglima Angkatan Tentera, YBhg Jen Tan Sri Dato' (Dr.) Sri Zulkiefeli bin Mohd Zin, Ketua Setiausaha, YBhg Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Panglima-panglima Perkhidmatan (TDM, TLDM dan TUDM), serta pegawai kanan tentera dan awam Kementerian Pertahanan.



